

# Abdullah nafi kerajaan beli pesawat eksekutif

Um-30/1/2007

SEPANG 29 Jan. – Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menafikan kerajaan telah membeli sebuah pesawat eksekutif, sebaliknya menegaskan pesawat itu hanya disewa untuk kegunaan rasmi kerajaan termasuk untuk Yang di-Pertuan Agong.

Beliau berkata, tindakan menyewa pesawat berkenaan daripada Penerbangan Malaysia Berhad (PMB) lebih menjimatkan wang kerajaan berbanding dengan langkah membeli.

“Kita tak beli, kita nak sewa. Buat apa

nak beli kapal terbang? Dah beli nak kena perbaik, nak kena belanja besar juga.

“Lebih baik sewa, kalau rosak apa pun pihak yang memberi sewa kena ganti, ambil kapal terbang lain bagi kita pakai,” katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini hari ini.

Abdullah mengulas laporan beberapa laman web Internet dan laporan agensi berita yang mendakwa beliau telah membeli sebuah pesawat ACJ 319 berasaskan model A320 keluaran Airbus bernilai anta-

ra AS\$55 hingga AS\$60 juta (kira-kira RM200 juta).

Laporan itu mendakwa pesawat yang diminta di kilang pemasangan Airbus di Toulouse, Perancis itu kini berada di Switzerland untuk kerja-kerja pengubahsuaian dalaman dan proses perlengkapan perkakas yang bersesuaian dengan pesawat.

Menurut Abdullah, pesawat yang disewa itu adalah untuk kegunaan kerajaan termasuk Yang di-Pertuan Agong dan bukan untuk dirinya sebagai Perdana Menteri.

“Jet itu adalah untuk kegunaan kerajaan,

an, bukan Perdana Menteri (sahaja). Ia juga untuk kegunaan Yang di-Pertuan Agong,” katanya.

Beliau berkata, pesawat tersebut dibeli oleh PMB dan kerajaan hanya menyewa sebagaimana amalan Penerbangan Malaysia menyewa pesawat daripada syarikat yang sama.

“Itu bukan duit kita. Syarikat PMB beli kapal terbang untuk MAS, umpamanya, dan kalau kita kata nak sewa daripadanya tentulah itu satu keuntungan untuk syarikat itu,” katanya.